

METODOLOGI PENTAFSIRAN DAN PERSPEKTIF HAMKA BERHUBUNG AYAT-AYAT HUKUM IBADAT

Oleh

Dr. Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa

Pensyarah Kanan Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak.
ribhan83@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini menampilkan analisis metodologi pentafsiran dan perseptif Hamka dalam penafsiran ayat-ayat berkaitan hukum ibadat yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar*. Objektif kajian telah mensasarkan pengkajian mengenai ketokohan Hamka sebagai *mufassir* dan penganalisisan metodologi Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah mengemukakan dua kaedah utama bagi memperolehi hasil kajian iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Menerusi kaedah pengumpulan data, pengkaji memperoleh dan mengumpul data menerusi kaedah kajian kepustakaan bagi mendapatkan beberapa teori dan fakta yang benar lagi sesuai berasaskan sampel kajian utama iaitu *Tafsir al-Azhar*, kitab ilmiah, jurnal dan bahan bertulis. Kaedah penganalisisan data pula dijalankan sebagai proses dalam menghuraikan persoalan-persoalan kajian dengan tujuan untuk menjelaskan objektif kajian berpandukan kaedah induktif dan kaedah deduktif. Kajian ini telah membuktikan bahawa ilmu tafsir merupakan satu wadah penting dalam merealisasikan maksud al-Quran dan Hamka terbukti berkemampuan dengan ilmu tersebut berbekalkan ketokohan dan keilmuannya. Pentafsiran dan perspektif beliau didapati selari dengan metodologi asas pentafsiran al-Quran dan berbetulan dengan kaedah-kaedah yang dipegang *mufassirin* dan ulama yang berpengaruh. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa metodologi Hamka bersesuaian dengan kaedah pentafsiran bercorak fiqh meskipun terdapat beberapa aspek kekurangan seperti pendalilan separa sempurna dan pengabaian tafsiran hukum ibadat tertentu. Metodologi pentafsiran Hamka berkeadaan luas kerana beliau cenderung memuatkan pelbagai pendapat ulama mengenai hukum ibadat dan turut menyentuh ilmu sampingan seperti sains, ekonomi, sejarah dan psikologi. Keunikan pemikiran atau keterbatasan pemikiran syariah Hamka dapat ditinjau dan dijadikan rumusan penting dan manfaat ilmiah khasnya buat para pengkaji tafsir dan syariah dan secara umumnya kepada masyarakat Muslim Nusantara.

Kata kunci: Metodologi penafsiran, Hamka, *Tafsir al-Azhar*, hukum ibadat, tafsir.

ABSTRACT

This qualitative study illustrates the analysis methodology and perspective in the interpretation of passages relating to the law of worship contained in *Tafsir al-Azhar*. The objective of the study has targeted the study of leadership of Hamka as a *mufassir* and the analysis of Hamka's methodology in interpreting passages of the law of worship. For this purpose, researchers have discussed two main methods to obtain the results which are data collection methods and data analysis methods. Through data collection methods, researcher obtains and collects the data through library researches to gather the accurate and appropriate facts and theories of the study based on the main sample reference which is *Tafsir al-Azhar* as well as other scientific books, journals and written materials. The data analysis method was carried out as a process to decipher the issues from the study with the aim to clarify the objective of the study based on the inductive method and deductive method. This study proved that hermeneutics is an important platform to interpret the meaning of the Holy Quran and Hamka proven capable of leveraging the knowledge with his scientific stature. His interpretations and perspectives are in line with the basic found renderings and perspective in line with the basic methodology of interpreting the Quran and concurred to the rules held by *mufassirin* and influential clerics. The findings also showed that Hamka's methodology is in accordance with the methods of interpretation of fiqh despite some aspects such as the lack of perfect and verification partial waiver of certain interpretations of religious law. Hamka's broad interpretation methodology is the result of accommodating various scholarly opinions on the law of worship. He has also touched the side of science, economics, history and psychology. The uniqueness of the idea and thoughts of Hamka's sharia as well as its limitations can be reviewed as an important summarization and scientific benefits especially for researchers, the legal interpretations and generally the Muslim communities of the archipelago.

Keyword: Methodology of interpretation, Hamka, *Tafsir al-Azhar*, the law of worship, interpretation.

PENGENALAN

HAMKA atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Karim Amrullah (1908-1981) adalah seorang tokoh *mufassir* yang banyak menyumbang bakti dalam perkembangan ilmu tafsir al-Quran di Nusantara. Hamka boleh dikategorikan sebagai seorang tokoh yang memenuhi ciri-ciri ulama yang disegani, penulis yang prolifik dan aktivis masyarakat yang dihormati (Mohammad Redzuan, 2008:115).

Hamka banyak menulis karya sastra dan agama serta terlibat secara khusus menyumbang jasa dalam pentafsiran al-Quran menerusi *Tafsir al-Azhar*. Pemikiran dan etika Islam ditekankan dalam setiap karyanya termasuklah dalam karya sastra (Abdul Rahman, 2008:67). A. Hasjmy seorang ulama, sasterawan dan mantan Gabenor Aceh, telah memberikan komentar berhubung dengan ketokohan Hamka. A. Hasjmy mengatakan (1981:136):

Buya Hamka yang hidup sekitar 300 tahun setelah Hamzah Fansury adalah seorang ulama besar, ahli tafsir yang telah menyelesaikan tafsirnya selama almarhum dalam tahanan orde lama, sejarawan yang telah banyak mengarang buku-buku sejarah, wartawan yang amat tajam penanya, ahli tasawwuf atau filsafat yang terkenal dengan Tasauf Modennya, pemikir dan pembahas yang cepat tanggap seperti yang saya sering saksikan dalam berbagai seminar, pemimpin umat yang mempunyai pendirian tangguh, oratur yang kalau berpidato membuat para pendengarnya terpaku di tempat.

Menerusi kenyataan ini A. Hasjmy jelas mengakui Hamka sebagai ulama dan sasterawan yang berpengaruh dalam masyarakat. Penglibatan Hamka secara khusus dalam pentafsiran al-Quran dapat dirumuskan melalui dua aktiviti utama iaitu:

- i. Penyampaian kuliah tafsir al-Quran di Masjid al-Azhar (Engku Ahmad, 2005:47): Hamka menyampaikan tafsir al-Quran melalui kuliah subuh bermula pada tahun 1958. Aktiviti ini terhenti seketika apabila beliau ditahan pemerintah pada 27 Januari 1964 (Mazlan et al., 2014:90 & Abdul Rauf, 2013:48). Pada pertengahan tahun 1966 beliau kembali menyambung bakti dalam medan dakwah termasuk pengajian al-Quran sehinggalah meninggal dunia pada tahun 1981.
- ii. Penulisan tafsir al-Quran sehingga terhasil karya lengkap berjudul *Tafsir al-Azhar* (Wahba dan Hafiz, 2007:129): Beliau mula mengarang *Tafsir al-Azhar* pada tahun 1963 (Hamka, 1982:1:49) dan tamat penulisan peringkat akhir pada tahun 1967. (Ibid.,:18:2).

Hamka amat istimewa dalam konteks rantau alam Melayu kerana beliau bijak menggunakan contoh dan isu tempatan dalam menjelaskan ayat-ayat al-Quran menerusi *Tafsir al-Azhar* (Wan Sabri, 2008:36). Kesannya masyarakat Islam Nusantara dapat memahami kehendak al-Quran dengan lebih sempurna kerana Hamka memasukkan pelbagai metodologi pentafsiran ayat yang menarik. Menurut Yunan (1990:172), kalam pemikiran Hamka yang terdapat di dalam *Tafsir al-Azhar* adalah bercorak rasional. Selain mengaplikasikan pelbagai ilmu warisan ulama terdahulu, beliau juga menambah perisian tafsiran dengan unsur semasa seperti fakta sejarah, sastera dan pandangan ulama moden.

PENTAHSIRAN AYAT-AYAT HUKUM IBADAT

Hamka selaku ulama Nusantara menyentuh pentafsiran ayat hukum ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar* dan perihal fiqh ibadat dalam karya-karyanya. Beliau ada menegaskan bahawa ibadat merupakan tugas khas jin dan manusia bagi mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Ibadat perlu dilaksanakan dengan perasaan selaku hamba dan sentiasa tunduk kepada kehendak-Nya (Hamka, 1982:27:38). Dalam pentafsiran *Tafsir al-Azhar*, Hamka menekankan beberapa contoh aspek fiqh ibadat yang perlu dilaksanakan (Ibid.,:27:38):

Maka dapatlah kita jadikan seluruh hidup kita ini ibadah kepada Allah; sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadhan, berzakat kepada fakir miskin adalah bahagian kecil sebagai pematiri dari seluruh ibadat yang umum itu.

Menerusi pentafsiran ayat 56 surah *al-Dharyat*, beliau telah mengulas (Ibid.,:27:37):

Maka datanglah tambah ayat 56 ini bahawasanya Allah menciptakan jin dan manusia tidak ada guna yang lain melainkan buat mengabdikan diri kepada Allah. Jika seorang telah mengaku beriman kepada tuhan, tidaklah dia akan mahu jika hidupnya di dunia ini kosong sahaja. Dia tidak boleh menganggur. Selama nyawa dikandung badan, manusia harus ingat bahawa tempohnya tidak boleh kosong dari pengabdian. Seluruh hidup hendaklah dijadikan ibadat.

Hamka menggunakan pelbagai kaedah pentafsiran dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum bagi merealisasikan maksud ayat berlandaskan pemahamannya. Keprihatinan Hamka terhadap hukum atau fiqh ibadat bukan sekadar di dalam karya tafsir tersebut malahan dalam karya yang lain seperti *Iman dan Amal* (Hamka, 1999:87-93) dan *Dari Lembah Cita-Cita* (Ibid., 2008:19). Keterangan beliau dalam soal hukum ibadat lebih banyak berbanding isu *Fiqh al-Jinayat*, *Fiqh al-Mu'amalat* atau *Fiqh al-Munakahat*.

Berdasarkan penganalisisan terhadap karya *Tafsir al-Azhar*, Hamka mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat secara khusus berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. Ayat-ayat yang ditafsirkan di bawah tajuk fiqh ibadat seperti “*al-Fatihah Sebagai Rukun Sembahyang*” (1982:1:95) dan “*Shariat Haji dan Umrah*” (Ibid.,:2:128).
- ii. Ayat-ayat yang mengandungi perintah ibadat yang berkaitan rukun Islam seperti fiqh solat pada ayat 103 *Surah al-Nisa'*, fiqh puasa pada ayat 183 *Surah al-Baqarah*, fiqh haji pada ayat 97 *Surah Ali 'Imran* dan fiqh zakat pada ayat 103 *Surah al-Taubah*.
- iii. Pentafsiran ayat yang tiada mengandungi perintah ibadat tetapi masih berkesinambungan maksud dengan ayat perintah ibadat sebelum atau selepasnya. Sebagai contoh ayat 34 *Surah al-Taubah* mengandungi teguran khusus kepada orang yang menyembunyikan emas dan perak daripada dikeluarkan zakat. Selepas

- itu, Hamka menjelaskan kepentingan mengeluarkan zakat emas dan perak dalam ayat 35 *Surah al-Taubah* (Hamka, 1985:10:197-202).
- iv. Pentafsiran yang mendefinisikan ibadat dan menyentuh kepentingan ibadat seperti ayat 99 *Surah al-Hijr* (Hamka, 1983:14:207).
 - v. Ayat-ayat yang menjadi tuntutan bagi menyempurnakan kewajipan ibadat. Sebagai contoh ayat 109 *Surah al-Isra'* adalah mengenai kepentingan bacaan al-Quran yang bersangkutan ibadat solat.
 - vi. Ayat-ayat yang mengetengahkan kepentingan tempat-tempat ibadat seperti ayat 97 *Surah al-Maidah* yang berhubung peranan Ka'bah sebagai pusat ibadat Haji.
 - vii. Ayat hukum selain hukum ibadat yang bersangkutan dengan hukum ibadat: Contoh ayat dalam konteks ini ialah larangan membunuh binatang buruan ketika *ihram* dalam ayat 94 dan 95 *Surah al-Maidah* (Hamka, 1983:7:47).
 - viii. Ayat-ayat *sujud tilawah*: Terdapat kupasan hukum Hamka dalam pentafsiran berhubung ayat *sujud tilawah*.

METODOLOGI PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM IBADAT

Berdasarkan penganalisisan terhadap *Tafsir al-Azhar*, pengkaji mendapati pentafsiran Hamka banyak menyentuh aspek hukum ibadat secara khusus. Metodologi pentafsiran Hamka dapat dirangkumkan seperti berikut:

Penggunaan Dalil al-Quran

Hamka sering menggunakan metode pendalilan al-Quran pada kebanyakan ayat yang ditafsirkannya. Hamka telah menggunakan metode ini pada kedudukan 76 ayat daripada 126 ayat hukum ibadat yang terkandung di dalam *Tafsir al-Azhar*. Menerusi metode tersebut, ayat al-Quran telah diaplikasikan sebagai hujah dan bahan sokongan dalam pentafsiran ayat seperti bentuk berikut:

- a) **Teks ayat al-Quran:** Hamka menampilkan teks al-Quran beserta terjemahan dan kedudukannya di dalam al-Quran. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 186 *Surah al-Baqarah*, Hamka mendatangkan dalil daripada ayat 60 *Surah al-Mukmin*, ayat 85 *Surah al-Waqi'ah*, ayat 83 *Surah al-Anbiya'*, ayat 78 hingga 80 *Surah al-Syu'ara'* dan ayat 56 *Surah al-Dhariyyat* (Ibid.,:2:105).
- b) **Kalimah-kalimah al-Quran:** Hamka memuatkan kalimah-kalimah al-Quran tanpa ayat yang penuh. Sebagai contoh beliau mengemukakan "*radiyatan mardiyah*" secara tulisan rumi dalam pentafsiran ayat 41 *Surah al-Haj* (Ibid.,:17:178) dan "*bakhi'un nafsaka*" dalam pentafsiran ayat 17 *Surah Luqman* tanpa disertakan ayat dan terjemahan yang lengkap (Ibid.,:21:133).
- c) **Mahfum ayat al-Quran:** Hamka amat cenderung mengemukakan pendalilan al-Quran secara *mahfum* atau kesimpulan ayat tanpa mendatangkan teks asal *mushaf* al-Quran. Metode ini diaplikasikan dengan meluas dalam pentafsiran. Keadaan ini kurang membantu para pembaca untuk melihat dalil al-Quran yang digunakan Hamka sebagai dasar utama pentafsiran al-Quran. Pengkaji menilai Hamka cuba meringkaskan pentafsiran dengan mengemukakan dalil al-Quran secara *mahfum* namun pendekatan ini tidak konsisten kerana pada pentafsiran tertentu, Hamka lebih banyak mendatangkan dalil *hadith* berbentuk teks penuh seperti dalam pentafsiran ayat 60 *Surah al-Taubah*. Hamka telah menggunakan lima buah teks *hadith* manakala dalil al-Quran iaitu ayat 79 *Surah al-Kahfi* dan ayat 73 *Surah al-Baqarah* dinyatakan dalam bentuk *mahfum* sahaja (Ibid.,:10:247-248).
- d) **Kenyataan bersangkutan fakta al-Quran:** Contoh-contoh fakta yang dikemukakan ialah seperti:
 - i. Terdapat 100 ayat sabar di dalam al-Quran (Hamka, 1983:2:20-21).
 - ii. Kalimah "*khalafa*" yang terdapat dalam al-Quran adalah merujuk kepada kekuasaan Allah S.W.T (Ibid.,:1:79).
 - iii. Terdapat berpuluh-puluh ayat al-Quran yang mengetengahkan sifat *Rahman* dan *Rahim* Allah S.W.T (Ibid.,:1:83).
 - iv. Kandungan *Surah al-Haj* menyentuh tentang seruan kepada manusia untuk menunaikan haji di Mekah (Ibid.,:1:303).

Penggunaan Dalil Hadith

Hamka amat mementingkan pendalilan *hadith* selepas metode pendalilan al-Quran. Ini dibuktikan dengan banyak *hadith* diterapkan Hamka pada kebanyakan ayat yang ditafsirkannya. Hamka telah menggunakan metode ini pada kedudukan 72 ayat daripada 124 ayat hukum ibadat yang terkandung di dalam *Tafsir al-Azhar*.

Menerusi metode tersebut, *hadith-hadith* diaplikasikan sebagai hujah dan bahan sokongan dalam pentafsiran ayat seperti bentuk berikut:

- a) **Teks *hadith*:** Hamka menampilkan teks *hadith* beserta terjemahan dan sumber riwayat. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 203 *Surah al-A'raf*, Hamka mendatangkan lima buah *hadith*. Salah satunya ialah *hadith* riwayat Muslim daripada Abu Musa al-'Ash'ari mengenai perintah solat mengikuti imam, bertakbir setelah imam bertakbir dan diam ketika bacaan imam (Ibid.,:9:228).
- b) **Terjemahan dan *mahfum hadith*:** Hamka memuatkan terjemahan tanpa teks *hadith* dan sumber riwayat lengkap. Pendekatan ini amat ketara dalam kebanyakan pentafsiran. Sebagai contoh, pentafsiran ayat 99 *Surah al-Hijr*, Hamka mengemukakan terjemahan daripada *hadith* riwayat al-Dailami dan al-Hakim daripada Abu Muslim al-Khulani (Ibid.,:14:214). Dalam pentafsiran ayat 35 *Surah al-Taubah* pula, beliau mengemukakan terjemahan *hadith* yang dinyatakannya daripada riwayat Ibn 'Abbas dalam bentuk sebahagian teks *hadith* dan sebahagiannya dalam bentuk *mahfum* tanpa disertai riwayat yang lengkap (Ibid.,:10:198).
- c) **Kenyataan bersangkutan fakta *hadith*:** Contoh-contoh fakta yang dikemukakan ialah seperti berikut:
 - i. Rasulullah S.A.W dan Sahabat pernah tersilap kiblat ketika solat dan mereka tidak mengulangi solat (Ibid.,:2:16).
 - ii. Rasulullah S.A.W melarang Sahabat daripada melaksanakan puasa tanpa berbuka puasa dan berpuasa tanpa makan sahur (Ibid.,:16:69).
 - iii. Menurut keterangan Rasulullah S.A.W, mimpi juga dinamakan sebagai *kashaf* (Ibid.,:24:166).

Hamka lebih menunjukkan kesungguhan menggunakan metode pendalilan *hadith* pada pentafsiran ayat yang jelas memaparkan hukum ibadat. Walau bagaimanapun, beliau lebih banyak mengemukakan pendalilan *hadith* secara *mahfum* atau kesimpulan ayat tanpa mendatangkan teks asal. Sebagai contoh, beliau memuatkan lebih daripada tiga *mahfum hadith* pada pentafsiran ayat seperti ayat 158 dan 184 *Surah al-Baqarah*, ayat 43 dan 101 *Surah al-Nisa'*, ayat 6 *Surah al-Maidah*, ayat 31 *Surah al-A'raf*, ayat 114 *Surah Hud*, ayat 28 *Surah al-Haj*, ayat 29 *Surah al-Fath*, ayat 9 *Surah al-Jumu'ah* dan ayat 4 *Surah al-Muzammil*.

Pengemukakan Pendapat Ulama

Hamka mengemukakan pendapat ulama sebagai maklumat tambahan dan sokongan terhadap pentafsiran sesuatu ayat. Hamka telah menggunakan metode ini pada kedudukan 74 ayat daripada 124 ayat hukum ibadat yang terkandung di dalam *Tafsir al-Azhar*. Menerusi metode tersebut, Hamka sering menyentuh pendapat ulama seperti Abu Bakr 'Abd-Rahman (w. 94 H.), Ibn Zaid (w. 99 H.), Sa'id b. Jubair (w. 95 H.), Mujahid (w. 100 H.), 'Ata' (w. 103 H.), 'Ikrimah (w. 105 H.), Tawus (w. 106 H.), Hasan al-Basri (w. 110 H.), Qatadah (w. 117 H.), al-Zuhri (w. 124 H.), al-Suddi (w. 128 H.), Ibn Abi Nujaih (w. 132 H.), Ibn Habbal (w. 538 H.) dan al-Dahhak (w. 140 H.), 'Aufi (w. 183 H.), al-Bukhari (w. 256 H.), Abu Syaibah (w. 235 H.), al-Rabi' b. Sulaiman (w. 256 H.), Abu Bakar al-Bazzar (w. 292 H.), Ibn Qaiyyim (w. 751 H.), Ibn Nahwi (w. 804 H.), Ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852 H.), Abu al-'Aliyah (w. 93 H.), Rabi'ah al-Rai (w. 133 H.), 'Ali b. Abu Talhah (w. 143 H.), Imam Abu Hanifah (w. 150 H.), Ibn 'Aun al-Basri (w. 151 H.), al-Auza'i (w. 158 H.), Sufiyan al-Thauri (w. 161 H.), al-Laith (w. 175 H.), Malik b. Anas (w. 179 H.), Ibn Mubarak (w. 181 H.), Abu Yusuf al-Baghdadi (w. 182 H.), Fudail b. 'Iyad (w. 187 H.), al-Shafi'i (w. 204 H.), 'Abd al-Razzaq al-San'ani (w. 211 H.), Ishaq b. Rahawaih (w. 238 H.), Imam Ahmad b. Hanbal (w. 241 H.), al-Shaukani (w. 250 H.), al-Maruzi (w. 275 H.), Abu Muslim al-Asfahani (w. 322 H.), Abu 'Ali al-Qali (w. 356 H.), al-Zahrawi (w. 402 H.), al-Mawardi (w. 450 H.), al-Ghazali (w. 505 H.), Ibn al-'Arabi (w. 543 H.), al-Qadi 'Iyad (w. 544 H.), Yahya b. Salim (w. 558 H.), al-Nawawi (w. 676 H.), Ibn Taimiyyah (w. 728 H.), al-Kiya al-Harrasi (w. 504 H.), al-Zamakhshari (w. 538 H.), Fakhr al-Din al-Razi (w. 606 H.), al-Qurtubi (w. 671 H.), Ibn Kathir (w. 774 H.), al-Suyuti (w. 911 H.), Syah Waliyullah al-Dhalawi (w. 1176 H.), al-Qasimi (w. 1332 H.), Sayyid Rashid Rida (w. 1935 M.), Muhammad 'Abduh (w. 1905 M.) dan Syed Qutb (w. 1966 M.). 'Abd al-Razzaq al-Qashani (w. 211 H.) 'Abd-Allah b. Muhammad al-Ansari (w. 481 H.), Ibn Hisham (w. 218 H.), al-Azraqi (w. 250 H.), Ibn Batutah (w. 779 H.), K.H. Wahid Hasyim (w. 1953 M.), Syekh Tahir Jalaluddin (w. 1956 M.), Syaikh A. Hassan (w. 1958 M.), M. Hasbi Ash-Shiddiqi (w. 1975 M.) dan Ahmad Rashid Sutan Mansur (w. 1985 H.).

Hamka lebih gemar mendatangkan pendapat ulama secara khusus iaitu dengan menyebut nama mereka dan kadang kala disertakan sumber pendapat berasaskan sesuatu kitab. Sebagai contoh dalam pentafsiran ayat 103 *Surah al-Taubah*, Hamka mengemukakan pendapat Sayyid Rashid Rida bersumberkan *Tafsir al-Manar* juz ke-11 (Ibid.,:11:35-36) dan dalam pentafsiran ayat 78 *Surah al-Isra'*, beliau mengemukakan pendapat Imam Malik bersumberkan kitab *al-Muwata'* (Ibid.,:15:108).

Beliau juga telah mengemukakan pandangan Mazhab Shi'ah Imamiyyah dan Mazhab Zahiri yang asing daripada mazhab utama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam pentafsiran ayat 1 *Surah al-Fatihah* (Ibid.,:1:73) dan ayat 203 *Surah al-A'raf* berhubung isu *basmalah* sebahagian daripada *Surah al-Fatihah* dan etika mendengar bacaan al-Quran (Ibid.,:9:228). Pengkaji mendapati pendapat ini sengaja diutarakan sebagai bahan maklumat sampingan dan tiada kupasan lanjut mahupun sokongan Hamka terhadap mazhab tersebut.

Pengkaji mendapati Hamka meraikan pelbagai pendapat ulama dan mazhab-mazhab muktabar meskipun asas pegangan beliau adalah *Ulama Salaf*. Walau bagaimanapun Hamka tidak ketinggalan dalam mengetengahkan pendapat Mazhab Shafi'i yang diakui beliau sebagai mazhab utama Indonesia. Beliau telah menyentuh pendapat Mazhab Shafi'i secara khusus seperti dalam pentafsiran ayat 196 *Surah al-Baqarah*, ayat 101 *Surah al-Nisa'*, ayat 6 *Surah al-Maidah*, ayat 95 dan 96 *Surah al-Maidah*.

Pengemukaan Ilmu Sampingan

Ilmu sampingan yang dikemukakan Hamka dapat diklasifikasikan kepada tiga cabang ilmu iaitu ilmu agama, ilmu bahasa dan ilmu akademik. Ilmu agama seperti ilmu Tauhid, *Usul al-Fiqh*, Fiqh, Tasawuf, *Tarikh al-Mushaf*, *'Ulum al-Qur'an*, Ilmu Falak, Sirah, Tasawwur Islam dan ilmu perbandingan agama telah dikemukakan dalam pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat. Ilmu fiqh lebih mendominasi pentafsiran dan keadaan ini bersesuaian dengan keadaan ayat-ayat hukum ibadat.

Penggunaan ilmu bahasa merupakan salah satu metode terpenting Hamka dalam pentafsiran ayat hukum ibadat. Beliau tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan ilmu bahasa seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris meskipun pentafsiran dilaksanakan dalam Bahasa Melayu dan Indonesia. Metode penggunaan Bahasa Arab telah digunakan dengan konsisten dalam menterjemah maksud setiap ayat al-Quran. Metode ini juga digunakan Hamka ketika menterjemahkan kalimah al-Quran dan istilah Arab dalam pentafsiran ayat 1 hingga 5 *Surah al-Fatihah*, ayat 150, 158, 183, 187, 189, 196, 197, 198, 200, 203 dan 238 *Surah al-Baqarah*, ayat 96 dan 97 *Surah Ali 'Imran*, ayat 43, 101 dan 103 *Surah al-Nisa'*, ayat 6 dan 97 *Surah al-Maidah*, ayat 141 dan 162 *Surah al-An'am*, ayat 29, 31 dan 56 *Surah al-A'raf*, ayat 34, dan 60 *Surah al-Taubah*, ayat 114 *Surah al-Hud*, ayat 26, 78, 79, 80 dan 109 *Surah al-Isra'*, ayat 58 *Surah Maryam*, ayat 18, 25, 27, 28, 36 dan 40 *Surah al-Haj*, ayat 45 *Surah al-'Ankabut*, ayat 38 dan 39 *Surah al-Rum*, ayat 15 dan 16 *Surah al-Sajadah*, ayat 33 *Surah al-Ahzab*, ayat 27 *Surah al-Fath*, ayat 9 *Surah al-Jumu'ah* dan ayat 21 *Surah al-Inshiqaq*.

Hamka tidak meluaskan penggunaan metodologi Bahasa Arab seperti aspek huraian ilmu *Nahu* dan *Balaghah* kerana lebih menekankan penjelasan hukum terhadap kelompok pembaca awam yang disasarkannya. Untuk menjayakan matlamat ini, Hamka cenderung mengutamakan metodologi pentafsiran yang asasi seperti al-Quran dan *hadith* serta ilmu bersifat semasa seperti sains, ekonomi, psikologi dan sejarah dunia. Antara ilmu yang disentuh ialah kajian kayu *Arak*, sistem Ekonomi Kapitalis, Sosialis dan Komunis, rawatan jiwa berkonsepkan *Christian Science* di Amerika dan sejarah konfrontasi antara Arab Saudi dengan Mesir. Pendekatan ini diselitkan dalam pentafsiran seperti ayat 1 dan 7 *Surah al-Fatihah*, ayat 125, 183, 196 dan 238 *Surah al-Baqarah*, ayat 97 *Surah Ali 'Imran*, ayat 43 dan 101 *Surah al-Nisa'*.

Beliau turut menyelitkan kisah-kisah masyarakat, contoh-contoh keadaan sekeliling dan pengalaman peribadi. Antara perkara yang disentuh ialah kisah masyarakat di sebuah bandar Amerika yang menghormati anjing, analogi sebuah masjid yang dimakmurkan dengan sebuah bandar yang aman dan pengalaman peribadi melawat Amerika, Singapura dan Malaysia. Pendekatan ini diselitkan dalam pentafsiran seperti ayat 3 dan 6 *Surah al-Fatihah*, ayat 197 dan 239 *Surah al-Baqarah* dan ayat 103 *Surah al-Nisa'*.

Pendekatan ini adalah bertujuan mewujudkan kelainan dalam pentafsiran ayat-ayat hukum dan mengimbangi keperluan zaman yang sarat dengan pelbagai ilmu moden dan selanjutnya berpotensi menarik pelbagai lapisan pembaca. Kekurangan dalam pendekatan ini ialah Hamka mengetengahkan ilmu-ilmu akademik tanpa dinyatakan sumber rujukan yang lengkap.

PERSPEKTIF HUKUM IBADAT

Perspektif Hamka mengenai hukum ibadat terbahagi kepada fiqh pengetahuan ibadat fardu ain dan fiqh praktikal rukun Islam seperti solat, zakat, puasa dan haji (Hamka, 2008:19). *Tafsir al-Azhar* telah mengetengahkan pentafsiran hukum ibadat dalam pelbagai bentuk ayat terutama ayat yang mengandungi perintah jelas tentang ibadat fardu ain.

Skop pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat sudah dapat dilihat pada permulaan *Tafsir al-Azhar*. Beliau telah mula membicarakan soal fiqh secara khusus dalam pentafsiran *surah al-Fatihah* dengan meletakkan tajuk *al-Fatihah Sebagai Rukun Solat*. Tajuk ini menunjukkan kesungguhan Hamka dalam mentafsirkan ayat hukum ibadat. Antara kupasan Hamka (Ibid.,:1:95, 97):

Oleh kerana *al-Fatihah* satu surat yang menjadi rukun (tiang) sembahyang, baik sembahyang fardhu yang lima waktu, ataupun sekalian sembahyang sunat dan *nawafil*, maka dalam hal ini tidaklah cukup kita hanya sekadar mentafsir arti *al-Fatihah*, melainkan kita perlengkapkan lagi dengan hukum atau ketentuan syariat berkenaan dengan *al-Fatihah*. Segala sembahyang tidak sah kalau tidak membaca *al-Fatihah*.

Hamka mengaitkan kupasan fiqh tersebut dengan ayat 204 surah *al-Araf*, beberapa *hadith*, pandangan pelbagai ulama mazhab tentang pembacaan surah *al-Fatihah* di dalam solat dan ilmu *Usul al-Fiqh*. Penghasilan *Tafsir al-Azhar* tidak hanya merujuk kepada satu mazhab sahaja apabila membincangkan isu fiqh. Pendekatan yang digunakan ialah mendekati maksud ayat dengan menghuraikan makna lafaz, memberi sebab penurunan ayat apabila terdapat riwayat dan memberi kesempatan kepada para pembaca untuk berfikir (Abdul Raof, 2012:264).

Metodologi pentafsiran Hamka telah menghasilkan pentafsiran hukum ibadat berlandaskan ilmu fiqh dan perspektif hukum ibadat mengikut ijtihad dan pandangannya. Perspektif Hamka dapat ditinjau dalam aspek-aspek di bawah:

Kecenderungan Hamka dalam mengikut pendapat ulama tertentu dalam sesuatu hukum ibadat

Hamka gemar mendatangkan pelbagai pendapat daripada Sahabat, Tabi'in, Mazhab Hanafi, Shafi'i, Maliki, Hanbali, Shi'ah Imamiyyah, Zahiri dan individu ulama seperti Sayyid Rashid Rida, Muhammad 'Abduh, Ibn Qaiyyim, al-Shaukani dan Ibn Kathir. Pentafsiran Hamka tidak terikat dengan sesuatu mazhab fiqh secara khusus tetapi dalam aspek tertentu beliau menyatakan kecenderungan terhadap sesuatu pendapat ulama.

Sebagai contoh dalam pentafsiran ayat 184 *Surah al-Baqarah*, Hamka menjelaskan pendapat Muhammad 'Abduh yang membolehkan buruh-buruh tidak berpuasa Ramadan amat penting untuk diperhatikan. Ini kerana isu tersebut tidak terdapat di dalam kitab-kitab lama. Hamka menyatakan ijtihad tidak terputus dan diperlukan terutama pada isu-isu baru yang wajib diselesaikan ulama-ulama ikutan ummah (Ibid.,:2:97-98).

Hamka menyentuh bahawa Mazhab Shafi'i merupakan mazhab yang berpengaruh di Indonesia sehinggakan pembelajaran agama di sana lazimnya akan menggunakan perantaraan Bahasa Arab. Pembelajaran tersebut menepati kehendak Imam Shafi'i yang berfatwa tentang kewajaran bahasa tersebut dalam soal ibadat solat dan pembelajaran mengenainya (Ibid.,:5:80). Hamka tidak mendatangkan sebarang kritikan atau pendapat mazhab lain yang difikirkan beliau lebih bersesuaian untuk diterapkan di Indonesia.

Ijtihad dan pendapat dalam hukum ibadat

Pengkaji mendapati ijtihad Hamka berlaku apabila beliau memilih untuk menyatakan hukum dan pendapat berdasarkan dalil atau hujah tersendiri tanpa disertai pendapat ulama. Hamka menggunakan ruang dalam pentafsiran bagi mengemukakan beberapa ijtihad hukum ibadat yang dikeluarkannya berdasarkan faktor zaman dan masalah yang dihadapi umat Islam.

Pengkaji mendapati sebahagian ijtihad Hamka terhadap hukum seperti wajib, sunat, makruh dan haram telah dikeluarkan dalam pentafsiran. Namun sebahagian pentafsiran tidak menampilkan dalil dan ilmu sokongan dan pernyataan hukum tersebut. Contoh pentafsiran ini berlaku pada ayat 198 surah *al-Baqarah*, ayat 34 surah *al-Taubah*, ayat 114 surah *Hud*, ayat 27 surah *al-Haj*, ayat 36 surah *al-Nur* dan ayat 27 surah *al-Fath*. Di samping itu, wujud pentafsiran yang disandarkan kepada pandangan ulama yang lain tetapi tidak dinyatakan status hukum yang sebenarnya seperti pentafsiran pada ayat 158, 200 dan ayat 203 surah *al-Baqarah*, ayat 60 surah *al-Taubah* dan ayat 6 surah *al-Maidah*.

Di samping ijtihad dan pendapat hukum ibadat, Hamka mengemukakan beberapa ijtihad tafsir terhadap kalimah dan pernyataan al-Quran. Contoh dalam pentafsiran ayat 150 *Surah al-Baqarah*, Hamka berijtihad bahawa kalimah "*engkau*" adalah ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W manakala kalimah "*kamu*" pula kepada umat baginda (Ibid.,:2:16). Contoh ijtihad pada pernyataan al-Quran pula dapat dilihat menerusi pentafsiran ayat

183 *Surah al-Baqarah*, Hamka mentafsirkan pada pernyataan “*menjadi orang-orang yang bertakwa*” ialah orang yang beriman yang dapat menahan nafsu dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T (Ibid.,:2:90). Dalam konteks ini, pengkaji mendapati beliau tidak mendatangkan sebarang dalil untuk menyokong ijtihadnya berbanding ijtihad dan pendapatnya dalam konteks pentafsiran hukum.

Kritikan Hamka terhadap sesuatu hukum dan amalan ibadat

Beliau mementingkan keaslian ibadat berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, menjauhi tokok tambah dalam syariat dan unsur syirik dalam peribadatan. Sebagai contoh dalam pentafsiran ayat 186 *Surah al-Baqarah*, Beliau menegaskan tidak perlu perantaraan individu atau wasilah dalam berdoa (Ibid.,:2:100). Beliau berhujah bahawa jika penyembah berhala dicela kerana mengaplikasikan berhala sebagai perantara kepada Tuhan maka begitu juga dalam situasi seseorang yang memanggil Saiyyid ‘Abd al-Qadir Jailani atau Syaikh Samman ketika mengalami kesusahan (Ibid.,:2:100). Hamka juga menyebut hukum wajib mendekatkan diri kepada Allah S.W.T sesuai dengan keadaan Allah yang sememangnya dekat dengan hamba-Nya termasuk mengamalkan doa terbaik iaitu doa yang berasal daripada Nabi Muhammad S.A..W. (Ibid.,:2:102).

Dalam pentafsiran ayat 187, Hamka menyatakan bahawa permasalahan ijtihad fiqh puasa yang terlalu mendalam akan mendatangkan kerumitan seperti perbincangan bercelak mata, muntah dan luka adakah membatalkan puasa. Beliau menyatakan, sebelum menilai jawab terhadap perbincangan tersebut maka perlu difahami bahawa keterangan wahyu bukan untuk mempersukarkan manusia bahkan untuk memudahkan. Asas perintah ialah memupuk iman dan takwa (Ibid.,:2:109).

Kritikan Hamka bukan sahaja menyentuh permasalahan hukum bahkan terhadap ideologi yang bertentangan dengan pemikiran Islam. Dalam pentafsiran ayat 238 *Surah al-Baqarah*, beliau menyatakan golongan Athes bersungguh menolak solat kerana pemikiran mereka yang tidak percayakan kewujudan Tuhan. Hamka menyatakan golongan ini akan sentiasa cenderung menolak kebaikan dan akan sentiasa melakukan kejahatan apabila mereka sudah memilih pemikiran yang bertentangan kehendak Tuhan (Ibid.,:2:251).

Saranan Hamka dalam amalan ibadat

Hamka amat mementingkan ibadat untuk diamalkan masyarakat Muslim. Saranan untuk memperteguh ibadat telah diberikan dalam pentafsiran seperti ayat 79 *Surah al-Isra*. Beliau menyatakan Nabi Muhammad S.A.W menganjurkan umat Islam untuk melakukan *Solat Tahajjud*. Hamka menyarankan agar tuntutan ibadah ini baik dilaksanakan pada waktu sepertiga malam (Ibid.,:15:111).

Saranan Hamka juga ditujukan kepada pihak pemerintah umat Islam yang berperanan sebagai pemegang kuasa terpenting dalam urusan pentadbiran dan syariah umat Islam. Menerusi ayat 187 *Surah al-Baqarah*, Hamka menyarankan pemerintah agar memanfaatkan pendekatan *ru'yah* dan *hisab*, menubuhkan jawatankuasa untuk urusan *hisab* dan mengeluarkan arahan permulaan dan penutupan tempoh puasa berdasarkan penyelidikan mereka (Ibid.,:2:109).

Saranan kepada pihak komuniti umat Islam juga dikemukakan menerusi pentafsiran ayat 60 *Surah al-Taubah*. Hamka berpendapat negeri umat Islam harus untuk menubuhkan jawatankuasa pengutipan zakat. Dengan persetujuan bersama, jawatankuasa tersebut berhak mendapat bahagian daripada zakat disebabkan bebanan tanggungjawab dalam mengurus hal ehwal zakat (Ibid.,:10:249).

RUMUSAN

Pentafsiran Hamka memaparkan pelbagai ilmu fiqh ibadat yang berteraskan pelbagai pendapat ulama dan mazhab. Justeru, karya *Tafsir al-Azhar* boleh dikategorikan sebagai bahan rujukan fiqh bebas. Rujukan fiqh ibadat yang tidak terikat dengan sesuatu mazhab boleh ditinjau menerusi karya *Tafsir al-Azhar*. Pengkaji mendapati penafsiran beliau berhubung ayat-ayat hukum ibadat adalah bersesuaian bagi orang awam yang ingin melihat mengapa berlaku pertembungan pendapat di kalangan ulama berhubung sesuatu hukum dan meninjau pendapat-pendapat yang luas berkaitan kewajipan ibadat di dalam Islam.

Hamka mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat tanpa meminggirkan pendapat Mazhab Shafi'i yang menjadi pegangan utama masyarakat Malaysia dan Indonesia. Justeru, karya ini bukanlah penghalang kepada pegangan tersebut. Masyarakat disarankan melihat pentafsiran beliau untuk mendapatkan beberapa ilmu berkaitan Mazhab Shafi'i dan dimensi pendapat sampingan terhadap sesuatu hukum. Pendekatan Hamka yang sering mendatangkan dalil dan hujah yang bernas akan menyebabkan para pembaca akan menghormati pelbagai pendapat hukum dan mula mendekati contoh karya tempatan yang bercorak pemikiran luas.

Karya *Tafsir al-Azhar* membuktikan ilmu tafsir dan fiqh mempunyai ikatan tidak langsung dengan ilmu fardu kifayah. Walau bagaimanapun, mana-mana individu yang berkecimpungan dalam dunia fardu kifayah seperti bidang ekonomi, sains dan perubatan disarankan mengkaji *Tafsir al-Azhar* bagi memastikan beberapa fakta ilmu-ilmu sampingan adalah tepat. Gabungan kedua gagasan ilmu ini berupaya menjadi metodologi menarik masa kini yang perlu diambil berat *mufassirin* moden. Karya-karya tafsir baharu perlu dicetuskan berdasarkan kerjasama atau gabungan dua gagasan ilmu tersebut ke arah mewujudkan tafsiran tempatan yang bermanhaj *al-Ilmi* (gabungan ilmu *diniyyah* dengan ilmu fardu kifayah).

Kebanyakan kandungan *Tafsir al-Azhar* adalah berkonsepkan pemikiran dan pendalilan tersendiri atau dengan sebutan *tafsir al-ra'yi* namun kandungan pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat lebih berkonsepkan fiqh atau dengan sebutan *tafsir al-fiqhi*. Pengkaji merumuskan inisiatif Hamka dalam menekankan ayat-ayat hukum ibadat berpandukan pelbagai ilmu fiqh adalah berobjektifkan menonjolkan kehendak hukum ayat serta merealisasikan kefahaman kepada semua lapisan pembaca *Tafsir al-Azhar*. Inisiatif ini terbina dengan asas metodologi pentafsiran seperti al-Quran dan al-Sunnah serta didokongi metodologi pengemukakan pendapat ulama dan ilmu sampingan seperti sejarah, sains, psikologi dan ekonomi. Kefaqihan dan keluasan ilmu Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran juga dapat dikesan menerusi ijthad dan pendapatnya yang dimuatkan dalam pentafsiran. Pentafsirannya jelas memaparkan idealisme beliau yang mementingkan kehendak wahyu agar dapat diamalkan dan dihayati oleh umat Islam setempat dan seluruh Nusantara.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan terjemahan. (1992). Arab Saudi: terbitan Kerajaan Arab Saudi.

A. Hasjmy. (1981). *Buya Hamka pujangga yang menyuarakan dakwah Islamiah, perjalanan terakhir Buya Hamka*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.

Abdul Rahman Abdul Aziz. (2008). *Bina insan melalui pembentukan etika sosial dan etika individu dari perspektif Hamka. Pemikiran Hamka*. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rouf. (2012). *Dimensi tasawuf karya Hamka: Analisis terhadap Tafsir al-Azhar*. Kuala Lumpur: Tesis doktor falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2005). *Hamka ulama' Nusantara*. Dewan Agama dan Falsafah. Kuala Lumpur: Kumpulan Kraftangan Sdn Bhd.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1974). *Si Sabariah*. Jakarta: Balai Pustaka.

_____ (1982). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

_____ (1983). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

_____ (1985). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

_____ (1999). *Iman dan Amal*. Selangor: Pustaka Dini.

_____ (2008). *Dari Lembah Cita-Cita*. Selangor: Pustaka Dini.

M. Yunan Yusof. (1990). *Corak pemikiran kalam Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.

Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhamad Najib Abdul kadir. (2014). *Pengenalan tokoh-tokoh dan kitab tafsir Melayu ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Redzuan Othman. Prof. Madya Dr. (2008). *Sumbangan Hamka dalam penulisan sejarah Melayu di alam Melayu. Pemikiran Hamka*. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahba & Hafiz Hamzah. (2007). *Ulama membina tamadun manusia*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Wan Sabri b. Wan Yusof, Dr. (2008). *Tafsir al-Azhar: suatu gambaran perubahan sosial di Indonesia pada abad ke-20. Pemikiran Hamka*. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.